

SULIT

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Penulisan/012

Mei

2020

1 $\frac{1}{4}$ jam

SOALAN RAMALAN UPSR 2020 SEMESTER 1

Nama :

Kelas :

BAHASA MELAYU Kertas 2 - Penulisan

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian : **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1** atau **Soalan 2**.
4. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

BAHAGIAN A





[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar-gambar di bawah menunjukkan kesan-kesan pencemaran udara.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang kesan-kesan yang berpunca daripada pencemaran udara.

Tulis **satu** ayat yang lengkap bagi **setiap** gambar.



1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

BAHAGIAN B

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 25 minit]

Petikan di bawah berkaitan dengan sikap Azizan.

Tulis ulasan tentang pengajaran yang diperoleh dalam bentuk perenggan.

*Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80 patah perkataan.***

Pada setiap hari Rabu, sekolah Azizan mengadakan perjumpaan untuk aktiviti persatuan. Aktiviti itu bermula pada pukul 2.30 petang. Cikgu Adi selalu berpesan kepada murid-muridnya supaya datang awal.

Petang itu, Azizan segera bersiap-siap dan mengayuh basikal kesayangannya menuju ke sekolah. Dia tidak mahu terlewat tiba di sekolah. Dalam perjalanan ke sekolah, dia sentiasa berwaspada dan mematuhi peraturan jalan raya supaya terhindar daripada sebarang kecelakaan.

Apabila tiba di sekolah, Azizan menuntun basikalnya untuk diletakkan di tempat yang disediakan. Semasa berjalan menuju ke kelas, Azizan mengucapkan salam kepada guru-guru yang ditemuinya. Setibanya Azizan di kelas, dia mengetuk pintu untuk masuk ke kelas.

Semasa di dalam kelas, Cikgu Adi telah menerangkan aktiviti-aktiviti persatuan yang akan dijalankan. Azizan mendengar dengan teliti. Dia tidak mahu melakukan kesilapan semasa menjalankan aktiviti tersebut. Azizan gembira kerana dapat menyertai setiap aktiviti yang diadakan di sekolahnya.

BAHAGIAN C

[25 markah]

[Masa dicadangkan : 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

"...Aku berasa sangat menyesal kerana telah menyebabkan kami sekeluarga hampir kehilangan orang yang amat disayangi."

Akhiri karangan kamu menggunakan ayat di atas.

ATAU**Soalan 2**

Baru-baru ini sekolah kamu telah mengadakan Kempen Membaca. Kamu ingin menceritakan kepada rakan kamu di sekolah lain tentang kempen tersebut.

Tulis sepucuk surat kepada rakan kamu itu untuk menceritakan aktiviti yang dilakukan sepanjang kempen tersebut berlangsung.

SKEMA JAWAPAN**BAHAGIAN A**

1. Pencemaran udara akan menjejaskan kesihatan manusia seperti mendapat batuk yang teruk dan asma.
2. Pencemaran udara juga mengakibatkan hujan asid yang menyebabkan kegatalan pada kulit jika terkena titisan air hujan tersebut.
3. Udara yang tercemar turut memberikan kesan terhadap penipisan lapisan ozon lalu menyebabkan bumi semakin panas.
4. Tumbuh-tumbuhan juga akan layu dan mati jika berlaku pencemaran udara yang teruk.
5. Hal yang paling membimbangkan berlakunya pemanasan global akibat kesan pencemaran udara di seluruh dunia.

BAHAGIAN B

Antara pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah kita mestilah patuh akan arahan guru seperti Azizan patuh akan arahan Cikgu Adi dengan datang awal ke sekolah. Seterusnya, dengan datang awal kita akan dapat melakukan persediaan yang rapi seperti Azizan. Selain itu, kita perlu melakukan sesuatu dengan segera agar tidak tertangguh. Di samping itu, murid mesti sentiasa berhati-hati untuk mengelakkan kecederaan daripada berlaku. Murid juga wajarlah meminta izin sebelum masuk ke dalam kelas. Akhirnya, murid patut memberikan tumpuan ketika di dalam kelas supaya semua maklumat yang disampaikan dapat difahami dengan jelas.

BAHAGIAN C

Soalan 1

Hari ini ibu dan ayahku pergi melawat emak saudara yang sakit di kampung. Aku disuruh tinggal di rumah dan menjaga adikku yang berusia enam tahun. Kami bermain permainan video bersama-sama.

Tidak lama kemudian adikku mula berasa bosan. Dia mengajak aku bermain di luar rumah. Kami bermain kasut roda di halaman rumah. Setelah lama bermain, aku berasa penat lalu mengajak adikku masuk. Namun dia enggan kerana masih belum puas bermain. Aku menjadi marah lalu meninggalkannya seorang diri di luar rumah.

Aku terus masuk ke dalam rumah. Aku ingin bermain permainan video. Tiba-tiba aku terdengar satu bunyi dentuman yang amat kuat. Aku segera berlari keluar rumah untuk melihat apa yang berlaku.

Alangkah terkejutnya aku apabila melihat adikku telah dilanggar lori. Kepala dan kakinya berlumuran darah. Adikku tidak sedarkan diri. Nafasnya turun naik. Pemandu lori tersebut segera membawa adikku ke hospital.

Apabila tiba di hospital adikku dikejarkan ke wad kecemasan. Aku berasa amat takut. Pihak hospital telah menghubungi ibu bapaku. Apabila mereka tiba, aku terus memeluk mereka sambil meminta maaf atas kecuaianku.

Adikku dibawa keluar dalam keadaan kepala dan kakinya berbalut. Keadaan adikku stabil dan dihantar ke wad biasa. Aku berasa sangat menyesal kerana telah menyebabkan kami sekeluarga hampir kehilangan orang yang amat disayangi.

Soalan 2

No. 82 Taman Kepayang,
Jalan Kepayang 19,
06050, Bukit Kayu Hitam,
Kedah.

25 Mei 2020.

Ke hadapan sahabatku, Shima yang berada di Taiping, Perak, semoga saudari berada dalam keadaan sihat di samping keluarga. Saya di sini baik-baik sahaja.

Saudari,

Pada minggu yang lepas, Sekolah Kebangsaan Bukit Kayu Hitam telah mengadakan Kempen Membaca. Kempen ini berlangsung selama seminggu dan telah dirasmikan oleh Guru Besar selepas selesai perhimpunan. Tujuan Kempen Membaca ini diadakan adalah untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid-murid. Selain itu, kempen ini juga dapat menggalakkan murid-murid mengisi masa lapang dengan lebih berfaedah.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang Kempen Membaca ini berlangsung. Antaranya ialah van jualan buku, anugerah NILAM, sesi bercerita, pertandingan menulis ulasan buku, cabutan bertuah dan pinjaman buku. Pertandingan menulis ulasan buku pula dimenangi oleh Nursyuhadah dari Tahun Enam Bestari. Dia menerima hadiah berupa buku dan sijil penghargaan.

Anugerah NILAM ialah acara kemuncak yang menobatkan tiga orang murid sebagai Tokoh NILAM. Mereka ialah Mohd Aidil, Mohd Fairus dan Norzaliza yang telah membaca lebih 250 buah buku sejak awal tahun. Mereka menerima hadiah berupa buku, sijil penghargaan dan trofi.

Pada pendapat saya, Kempen Membaca ini wajar diadakan pada setiap tahun kerana mendapat sambutan yang menggalakkan dan banyak memberikan faedah kepada murid-murid. Apakah pula pendapat saudari?

Sekian sahaja buat kali ini. Semoga kita dapat bertemu lagi. Sambutlah salam sayang daripada saya dan keluarga.

Sahabatmu,
Maisha